



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



# KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN (SEMAKAN 2017)

*Peneraju Pendidikan Negara*

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**



# Matlamat

**Memperkembangkan potensi murid** berumur empat hingga enam tahun **secara menyeluruh** dan **bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial** melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk **meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan** dan **membentuk konsep sendiri yang positif** pada diri murid agar mereka **bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya.**

# Objektif

1. Menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan.
2. Mengamalkan **nilai-nilai Islam** dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.
3. Mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
4. Menghargai dan peka terhadap persamaan dan perbezaan budaya masyarakat Malaysia.
5. Menyayangi dan menghargai alam sekitar.
6. Memperkembangkan konsep sendiri yang positif dan keyakinan diri.
7. Mempraktikkan amalan kesihatan, membina kecergasan badan dan menjaga keselamatan diri.
8. Mengaplikasikan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.




**FOKUS**



Kurikulum Prasekolah berfokus untuk melahirkan murid yang mempunyai **kebolehan berkomunikasi** dan **bersosialisasi dengan yakin**.

Di samping itu, kurikulum ini menghasratkan murid yang mampu **menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar** dan **bersedia untuk pembelajaran seterusnya**.

**KBAT**



**Mengaplikasi:** Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara


**Menganalisis:** Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan

**Menilai:** Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi

**Mencipta:** Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif



# KERANGKA KSPK (SEMAKAN 2017)



# Organisasi Kandungan

## **Standard Kandungan**

Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai

## **Standard Pembelajaran**

Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan

## **Standard Prestasi**

Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid


## SPI KPM BIL 7 TAHUN 2016



6.5 Jika terdapat lima orang murid atau lebih yang beragama Islam dalam sesebuah tadika, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Islam oleh guru yang bertauliah, sekurang-kurangnya 120 minit seminggu; dan

6.6 Jika terdapat lima orang murid atau lebih yang bukan beragama Islam dalam sesebuah tadika, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Moral sekurang-kurangnya 120 minit seminggu.

## SPI KPM BIL 2 TAHUN 2015



### Tanggungjawab GPI

7. GPI bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut :

7.1 mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR/KSSR, Pendidikan Islam Prasekolah dan model-model Program j-QAF kecuali Model Peluasan Bahasa Arab.

# PERUNTUKAN WAKTU SEMINGGU



# TUNJANG KEROHANIAN, SIKAP DAN NILAI

Pendidikan Islam

Pendidikan Moral

**PENEKANAN**

Penguasaan Asas Al-Quran Dan Jawi

Pembentukan Akidah

Pemupukan Asas Ibadah

Penyuburan Adab & Akhlak

Pengenalan Kepada Sirah



**Al-Quran**

**Akidah**

**Ibadah**

**Sirah**

**Akhlak**

**Jawi**




# PENDIDIKAN ISLAM

---

Pendidikan Islam memberi penekanan terhadap penguasaan asas Al-Quran dan jawi, pembentukan akidah, pemupukan asas ibadah, penyuburan adab dan akhlak dan pengenalan kepada sirah.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Pendidikan Islam, murid boleh:

1. Mengetahui huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah.
2. Memahami asas beriman dan beribadah kepada Allah.
3. Mengenal sirah dan peribadi Rasulullah SAW serta berusaha mencontohinya.
4. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia dalam kehidupan.
5. Membaca suku kata dan menulis huruf jawi dengan betul.



Standard  
Kandungan &  
Standard  
Pembelajaran

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
<b>PI 1.0 AL-QURAN</b>		
PI 1.1 Mengetahui huruf hijaiyah	<b>Murid boleh:</b> PI 1.1.1 Menyebut huruf hijaiyah tunggal	<b>Murid boleh:</b> PI 1.1.2 Mengetahui pasti dan menyebut bunyi huruf berharok: (i) atas ( <i>fathah</i> ) (ii) bawah ( <i>kasrah</i> ) (iii) hadapan ( <i>dhommah</i> )

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
PI 1.2	Menghafaz beberapa surah dari juzuk Amma	<b>Murid boleh :</b> PI 1.2.1 Menghafaz surah Al-Fatihah secara beradab	<b>Murid boleh :</b> PI 1.2.2 Menghafaz surah daripada Al- Quran secara beradab: (i) An-Nas (ii) Al-Ikhlash  PI 1.2.3 Mengamalkan Surah Al-Fatihah, An-Nas dan Al-Ikhlash dalam kehidupan
PI 1.3	Mengetahui bahasa Arab mudah	<b>Murid boleh :</b> PI 1.3.1 Menyebut nombor 1 hingga 10 dalam bahasa Arab	<b>Murid boleh :</b> PI 1.3.2 Menyebut dan mengecam nombor 1 hingga 10 dalam bahasa Arab  PI 1.3.3 Menyebut perkataan mudah dalam bahasa Arab
<b>PI 2.0 AKIDAH</b>			
PI 2.1	Mengamalkan kalimah syahadah sebagai asas keimanan kepada Allah	<b>Murid boleh :</b> PI 2.1.1 Menyebut kalimah لا إله إلا الله  PI 2.1.2 Menyatakan maksud lafaz لا إله إلا الله	<b>Murid boleh :</b> PI 2.1.3 Menyebut kalimah syahadah: أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله  PI 2.1.4 Menyatakan maksud kalimah syahadah  PI 2.1.5 Mengamalkan kalimah syahadah dalam kehidupan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 2.2 Memahami asas beriman kepada Allah	<b>Murid boleh :</b> PI 2.2.1 Mengenal diri sebagai makhluk ciptaan Allah  PI 2.2.2 Mengenal Allah sebagai pencipta: (i) menyebut kalimah Allah (ii) menyatakan tanda-tanda kebesaran Allah (iii) memuliakan kalimah Allah	<b>Murid boleh :</b> PI 2.2.3 Memuji kebesaran Allah dengan lafaz: (i) <i>Subhanallah</i> (سُبْحَانَ اللَّهِ ) (ii) <i>Alhamdulillah</i> (الْحَمْدُ لِلَّهِ ) (iii) <i>Allahu Akbar</i> (اللَّهُ أَكْبَرُ )
PI 2.3 Memahami maksud nama Allah (Asma'ul Husna)	<b>Murid boleh :</b> PI 2.3.1 Menyebut nama-nama Allah dan maksudnya: (i) <i>Ar-Rahman</i> (Maha Pemurah) (ii) <i>Ar-Rahim</i> (Maha Penyayang) (iii) <i>Al-Malik</i> (Maha Berkuasa) (iv) <i>Al-Hakim</i> (Maha Bijaksana) (v) <i>Al-Ghafur</i> (Maha Pengampun)	<b>Murid boleh :</b> PI 2.3.2 Menjelaskan nama-nama Allah dengan contoh: (i) <i>Ar-Rahman</i> (Maha Pemurah) (ii) <i>Ar-Rahim</i> (Maha Penyayang) (iii) <i>Al-Malik</i> (Maha Berkuasa) (iv) <i>Al-Hakim</i> (Maha Bijaksana) (v) <i>Al-Ghafur</i> (Maha Pengampun)
PI 2.4 Memahami Rukun Iman	<b>Murid boleh :</b> PI 2.4.1 Menyebut Rukun Iman: (i) beriman kepada Allah (ii) beriman kepada malaikat (iii) beriman kepada kitab (iv) beriman kepada rasul (v) beriman kepada hari kiamat (vi) beriman kepada qada' dan qadar	<b>Murid boleh :</b> PI 2.4.2 Menerangkan Rukun Iman

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 2.5 Memahami Rukun Islam	<b>Murid boleh :</b> PI 2.5.1 Menyebut Rukun Islam: (i) mengucap dua kalimah syahadah (ii) menunaikan solat lima waktu (iii) berpuasa di bulan Ramadan (iv) mengeluarkan zakat (v) menunaikan haji	<b>Murid boleh :</b> PI 2.5.2 Bercerita tentang amalan Rukun Islam dalam kehidupan
<b>PI 3.0 IBADAH</b>		
PI 3.1 Menunjuk cara bersuci dengan betul	<b>Murid boleh :</b> PI 3.1.1 Menyatakan cara bersuci daripada najis selepas: (i) buang air kecil (ii) buang air besar	<b>Murid boleh :</b> PI 3.1.2 Demonstrasi cara bersuci daripada najis selepas: (i) buang air kecil (ii) buang air besar  PI 3.1.3 Menyatakan kepentingan bersuci daripada najis selepas membuang air kecil dan air besar
PI 3.2 Melakukan wuduk	<b>Murid boleh :</b> PI 3.2.1 Mengenal pasti anggota wuduk PI 3.2.2 Menunjukkan had anggota wuduk	<b>Murid boleh :</b> PI 3.2.3 Melafazkan niat wuduk dan maknanya dengan betul PI 3.2.4 Menyebut rukun wuduk PI 3.2.5 Melakukan wuduk dengan tertib dan beradab



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 3.3 Mengetahui solat fardu	<b>Murid boleh :</b> PI 3.3.1 Menyebut nama-nama solat fardu PI 3.3.2 Menyatakan waktu solat fardu	<b>Murid boleh :</b> PI 3.3.3 Menyatakan bilangan rakaat setiap solat fardu
PI 3.4 Melakukan simulasi dalam solat	<b>Murid boleh :</b> PI 3.4.1 Menunjukkan had aurat ketika solat PI 3.4.2 Menunjukkan perlakuan solat dengan betul - berdiri tegak, takbiratulihram, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, tahiyat dan salam PI 3.4.3 Melafazkan takbiratulihram	<b>Murid boleh :</b> PI 3.4.4 Melafazkan niat solat lima waktu PI 3.4.5 Menyebut bacaan semasa pergerakan dalam solat PI 3.4.6 Melaksanakan pergerakan solat dengan betul mengikut tertib
PI 3.5 Memahami ibadah puasa	<b>Murid boleh :</b> PI 3.5.1 Menyatakan maksud puasa PI 3.5.2 Memerihalkan tentang ibadah berpuasa (i) bulan Ramadan (ii) sahur (iii) berbuka	<b>Murid boleh :</b> PI 3.5.3 Menyatakan kebaikan berpuasa PI 3.5.4 Melafazkan niat puasa PI 3.5.5 Menyebut amalan-amalan yang dituntut dalam bulan puasa

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
<b>PI 4.0 SIRAH</b>		
PI 4.1 Mengetahui Nabi Muhammad SAW dan keluarga baginda	<b>Murid boleh :</b> PI 4.1.1 Bercerita tentang Nabi Muhammad SAW	<b>Murid boleh :</b> PI 4.1.2 Menyatakan nama ahli keluarga baginda yang terdekat: (i) ibu (Aminah) (ii) bapa (Abdullah) (iii) datuk (Abdul Mutalib) (iv) bapa saudara (Abu Talib)
PI 4.2 Memahami peristiwa kelahiran Nabi Muhammad SAW	<b>Murid boleh :</b> PI 4.2.1 Bercerita tentang peristiwa tentera bergajah	<b>Murid boleh :</b> PI 4.2.2 Memerihalkan peristiwa semasa kelahiran Nabi Muhammad SAW  PI 4.2.3 Menyatakan pengajaran daripada peristiwa kelahiran Nabi Muhammad SAW
PI 4.3 Mengamalkan akhlak dan sifat Nabi Muhammad SAW	<b>Murid boleh :</b> PI 4.3.1 Menyebut akhlak Nabi Muhammad SAW: (i) rajin (ii) sabar (iii) penyayang	<b>Murid boleh :</b> PI 4.3.2 Menjelaskan sifat Nabi Muhammad SAW: (i) <i>Siddiq</i> (bercakap benar) (ii) <i>Amanah</i> (boleh dipercayai) (iii) <i>Tabligh</i> (menyampaikan) (iv) <i>Fatonah</i> (bijaksana)  PI 4.3.3 Mengamalkan akhlak dan sifat Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
<b>PI 5.0 AKHLAK</b>		
PI 5.1 Mengaplikasikan adab dalam kehidupan	<p><b>Murid boleh :</b></p> <p>PI 5.1.1 Mengamalkan lafaz <i>basmalah</i> dan <i>hamdalah</i> dalam setiap perbuatan yang baik</p> <p>PI 5.1.2 Menunjukkan adab makan dan minum</p> <p>PI 5.1.3 Menunjukkan adab terhadap:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ibu bapa</li> <li>(ii) ahli keluarga</li> <li>(iii) guru</li> <li>(iv) rakan sebaya</li> <li>(v) tempat beribadah</li> </ul>	<p><b>Murid boleh :</b></p> <p>PI 5.1.4 Melafazkan doa dalam amalan harian</p> <p>PI 5.1.5 Menunjukkan adab masuk dan keluar tandas</p> <p>PI 5.1.6 Membezakan makanan dan minuman halal dan haram</p> <p>PI 5.1.7 Menyatakan makanan sunnah</p> <p>PI 5.1.8 Membincangkan kepentingan mengamalkan adab dalam kehidupan</p>
<b>PI 6.0 JAWI</b>		
PI 6.1 Mengetahui huruf jawi	<p><b>Murid boleh :</b></p> <p>PI 6.1.1 Menyebut huruf-huruf jawi</p>	<p><b>Murid boleh :</b></p> <p>PI 6.1.2 Mengenal pasti bentuk huruf jawi</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 6.2 Membaca perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka	<b>Murid boleh :</b> PI 6.2.1 Mematang huruf-huruf jawi yang bertemu dengan huruf vokal alif	<b>Murid boleh :</b> PI 6.2.2 Mematang huruf-huruf jawi yang bertemu dengan huruf vokal wau dan ya PI 6.2.3 Membaca suku kata terbuka PI 6.2.4 Membaca perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka
PI 6.3 Menulis huruf jawi	<b>Murid boleh :</b> PI 6.3.1 Mengkoordinasikan pergerakan mata dengan tangan melalui lakaran bentuk, corak dan garisan mengikut arah dari kanan ke kiri	<b>Murid boleh :</b> PI 6.3.2 Menulis huruf jawi tunggal PI 6.3.3 Menyalin perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka



# Pernyataan Tahap Penguasaan Umum

## Standard Prestasi

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2	Murid boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan sesuatu
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan sesuatu dalam situasi baharu atau secara kreatif dengan tertib atau beradab

# TUNJANG KEROHANIAN, SIKAP & NILAI

Standard  
Prestasi

KOD	KONSTRUK	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>PENDIDIKAN ISLAM</b>			
PI 1	Mengenal huruf hijaiyah (PI 1.1)  Al-Quran	1	Boleh menyebut huruf hijaiyah tunggal.
		2	Boleh mengenal dan menyebut sebahagian huruf hijaiyah berbaris.
		3	Boleh mengenal dan menyebut semua huruf hijaiyah berbaris secara beradab.
PI 2	Menghafaz surah daripada juzuk Amma (PI 1.2)  Al-Quran	1	Boleh menyebut sebahagian ayat dari Surah Al Fatihah.
		2	Boleh menghafaz surah al-Fatihah dengan sebutan yang betul.
		3	Boleh menghafaz surah al-Fatihah, An-Nas dan Al Ikhlas dengan sebutan yang betul secara beradab.
PI 3	Mengetahui bahasa Al-Quran mudah (PI 1.3)  Al-Quran	1	Boleh menyebut sebahagian nombor 1 hingga 10.
		2	Boleh menyebut nombor 1 hingga 10 dengan sebutan yang betul.
		3	Boleh mengecam dan menyebut nombor 1 hingga 10 dengan betul.



# SEKIAN TERIMA KASIH



**Bahagian Pembangunan Kurikulum**

**Kementerian Pendidikan Malaysia**

<http://bpk.moe.gov.my>